

Pengaruh Tingkah Laku Mikroagresi terhadap Pembangunan Identiti Nasional: Peranan Mediasi Wacana 3R dalam kalangan Belia Malaysia

(The Influence of Microaggression Behaviour on National Identity Development: The Mediating Role of 3R Discourse Among Malaysian Youth)

Zaliha Idris¹, Suhaimee Saahar@Saabar^{2*}, Ahlam Abdul Aziz³

¹Centre for Media and Information Warfare Studies, Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia;
School of Marketing and Management, Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Jalan Teknologi 5, Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: zaliha.mediawarfare1@gmail.com

²Centre for Media and Information Warfare Studies, Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: suhaimee@uitm.edu.my

³Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: ahlam@uitm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Suhaimee Saahar@Saabar
(suhaimee@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Tingkah laku mikroagresi
Pembangunan identiti nasional
Wacana 3R
Media sosial
Belia Malaysia

KEYWORDS:

Microaggression behaviour
National identity development
3R discourse
Social media
Malaysian youth

CITATION:

Zaliha Idris, Suhaimee Saahar@Saabar, & Ahlam Abdul Aziz (2026). Pengaruh Tingkah Laku Mikroagresi terhadap Pembangunan Identiti Nasional: Peranan Mediasi Wacana 3R dalam kalangan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(7), e004059. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i7.4059>

Peningkatan komunikasi berasaskan identiti dalam media sosial telah menimbulkan kebimbangan terhadap pengaruhnya terhadap kohesi sosial dan pembangunan identiti nasional. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia serta meneliti peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam media sosial. Berpandukan Teori Mikroagresi dan Teori Identiti Sosial, kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif keratan rentas yang melibatkan 369 orang belia Malaysia berumur antara 18 hingga 30 tahun. Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur dan dianalisis menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) menerusi perisian SmartPLS 4. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku mikroagresi mempengaruhi pembangunan identiti nasional secara langsung dan tidak langsung melalui dimensi tertentu wacana 3R. Wacana perkauman dan wacana agama didapati memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional. Sebaliknya, wacana institusi diraja tidak menunjukkan kesan mediasi yang signifikan walaupun merekodkan hubungan paling kuat dengan tingkah laku mikroagresi. Dapatan ini

memperkenalkan konsep Paradoks RoRISME yang menunjukkan bahawa tidak semua dimensi wacana 3R menyumbang secara sama rata kepada pembentukan identiti nasional. Kajian ini memperluaskan aplikasi Teori Mikroagresi dan Teori Identiti Sosial dalam konteks komunikasi digital serta menyediakan implikasi praktikal kepada pembuat dasar, institusi pendidikan dan pengamal komunikasi dalam usaha memperkukuh kohesi sosial dan perpaduan nasional dalam kalangan belia.

ABSTRACT

The increasing prevalence of identity-sensitive communication in social media has raised concerns regarding its influence on social cohesion and national identity development. This study examines the influence of microaggression behaviour on national identity development among Malaysian youth and investigates the mediating role of race-related discourse, religion-related discourse and royalty-related discourse in social media. Guided by Microaggression Theory and Social Identity Theory, the study employed a quantitative cross-sectional design involving 369 Malaysian youth aged between 18 and 30 years. Data was collected using a structured questionnaire and analysed using Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) through SmartPLS 4. The findings revealed that microaggression behaviour significantly influences national identity development both directly and indirectly through selected dimensions of 3R discourse. Race-related discourse and religion-related discourse were found to significantly mediate the relationship between microaggression behaviour and national identity development. However, royalty-related discourse did not demonstrate a significant mediating effect despite recording the strongest relationship with microaggression behaviour. The findings introduce the RoRISME Paradox, suggesting that not all dimensions of 3R discourse contribute equally to national identity formation. The study extends the application of Microaggression Theory and Social Identity Theory within digital communication contexts and provides practical insights for policymakers, educators and communication practitioners seeking to strengthen social cohesion and national unity among youth in multicultural societies.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada perkembangan literatur berkaitan mikroagresi, komunikasi digital dan pembangunan identiti nasional dengan membangunkan serta menguji model mediasi selari yang menghubungkan tingkah laku mikroagresi, wacana 3R (kaum, agama dan institusi diraja) dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

1. Pengenalan

Pembelajaran motor merupakan bidang pengajian pergerakan manusia yang fokus kepada perubahan dari segi keupayaan kawalan dan prestasi motor yang berlaku hasil

Perkembangan pesat teknologi komunikasi digital telah mengubah landskap interaksi sosial dan penyebaran maklumat di seluruh dunia. Media sosial kini berfungsi bukan sahaja sebagai medium komunikasi, malah turut menjadi ruang utama bagi individu untuk membentuk, mengekalkan dan menzahirkan identiti mereka. Di Malaysia, media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan seharian masyarakat, khususnya dalam kalangan belia yang merupakan kumpulan pengguna digital paling aktif. Laporan Digital 2024 Malaysia menunjukkan bahawa kadar penggunaan internet dan media sosial dalam negara terus meningkat, menjadikan platform digital sebagai ruang utama bagi komunikasi, perkongsian maklumat dan pembentukan identiti sosial (We Are Social & Meltwater, 2024). Dapatan Tinjauan Pengguna Internet Malaysia turut menunjukkan bahawa golongan muda merupakan antara pengguna media sosial paling aktif, dengan penggunaan harian yang tinggi merentasi pelbagai platform seperti TikTok, Instagram, Facebook dan X (Malaysian Communications and Multimedia Commission [MCMC], 2025). Perkembangan ini menjadikan media sosial sebagai ruang penting dalam proses pembentukan identiti, khususnya dalam kalangan generasi muda yang aktif berinteraksi dalam persekitaran digital (Avci et al., 2025; Pérez-Torres, 2024). Platform seperti Facebook, X, Instagram, TikTok dan YouTube membolehkan pengguna berinteraksi secara langsung dengan pelbagai kumpulan sosial serta terlibat dalam perbincangan berkaitan isu politik, budaya, agama dan identiti. Walaupun perkembangan ini memperluaskan peluang untuk pertukaran maklumat dan penyertaan awam, ia turut mewujudkan ruang yang lebih besar kepada penyebaran komunikasi yang bersifat diskriminatif, stereotaip dan eksklusif.

Salah satu bentuk komunikasi yang semakin mendapat perhatian dalam persekitaran digital ialah mikroagresi. Konsep mikroagresi merujuk kepada bentuk diskriminasi harian yang berlaku secara halus melalui ungkapan, tingkah laku atau tindakan yang menyampaikan mesej negatif terhadap individu berdasarkan identiti sosial mereka (Sue et al., 2007). Berbeza dengan diskriminasi yang bersifat terbuka dan terang-terangan, mikroagresi sering berlaku secara tidak langsung dan kadangkala tidak disedari oleh pelaku mahupun penerima. Walaupun kelihatan kecil, pengalaman mikroagresi yang berulang boleh memberi kesan terhadap persepsi individu mengenai penerimaan sosial, rasa kekitaan dan hubungan antara kumpulan dalam masyarakat (Williams, 2021). Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah masyarakat majmuk, peningkatan interaksi digital telah mewujudkan ruang baharu yang membolehkan pengguna terdedah kepada pelbagai bentuk komunikasi berasaskan identiti, termasuk pengalaman mikroagresi yang berlaku secara langsung atau tidak langsung melalui kandungan dan interaksi dalam talian (Gillespie, 2022).

Dalam era media sosial, tingkah laku mikroagresi semakin mudah tersebar dan diperkukuhkan melalui interaksi dalam talian. Perbincangan berkaitan identiti etnik, agama, budaya dan kewarganegaraan sering berlaku secara terbuka dalam ruang digital yang membolehkan pelbagai bentuk stereotaip, prejudis dan naratif eksklusif dikongsi secara meluas. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa media sosial bukan sekadar medium komunikasi, tetapi turut berfungsi sebagai ruang sosial yang membentuk persepsi individu terhadap diri mereka dan orang lain (Cinelli et al., 2021; Matamoros-Fernández & Farkas, 2021). Menurut Mihelj dan Jiménez-Martínez (2021), media digital memainkan peranan yang semakin signifikan dalam proses pembentukan identiti kebangsaan kerana ia membolehkan individu berinteraksi dengan pelbagai naratif berkaitan negara, budaya dan kepelbagaian sosial. Oleh itu, pengalaman mikroagresi

yang berlaku dalam media sosial berpotensi mempengaruhi pembentukan identiti sosial dan identiti kebangsaan dalam kalangan pengguna.

Dalam konteks Malaysia, isu identiti mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana negara ini terdiri daripada masyarakat majmuk yang mempunyai latar belakang etnik, agama dan budaya yang pelbagai. Kepelbagaian ini menjadikan pembinaan identiti nasional sebagai salah satu agenda penting dalam usaha mengekalkan perpaduan dan keharmonian sosial. Identiti nasional merujuk kepada tahap keterikatan individu terhadap negara yang merangkumi rasa bangga, kesetiaan, kekitaan dan komitmen terhadap nilai serta aspirasi kebangsaan yang dikongsi bersama (Mylonas & Tudor, 2021). Dalam masyarakat yang semakin dipengaruhi oleh teknologi digital, pembangunan identiti nasional tidak lagi terbentuk semata-mata melalui institusi tradisional seperti keluarga, sekolah atau media arus perdana, tetapi turut dipengaruhi oleh pengalaman komunikasi dalam media sosial.

Salah satu ciri unik komunikasi digital di Malaysia ialah kewujudan perbincangan berkaitan isu kaum, agama dan institusi diraja yang sering dirujuk sebagai isu 3R. Ketiga-tiga isu ini mempunyai kedudukan yang sensitif kerana berkait rapat dengan sejarah pembentukan negara, struktur sosial serta peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perbincangan berkaitan isu 3R sering mendapat perhatian yang tinggi dalam media sosial kerana melibatkan persoalan identiti, hak, nilai dan kedudukan kumpulan tertentu dalam masyarakat. Dalam sesetengah keadaan, perbincangan ini boleh menyumbang kepada peningkatan polarisasi dan konflik antara kumpulan. Namun demikian, perbincangan berkaitan identiti juga berpotensi meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian sosial dan mengukuhkan pemahaman mengenai identiti nasional yang dikongsi bersama.

Daripada perspektif Teori Identiti Sosial yang diperkenalkan oleh Tajfel dan Turner (1979), identiti individu dibentuk melalui proses pengkategorian sosial, pengenalanpastian kumpulan dan perbandingan antara kumpulan. Individu cenderung mentafsir kedudukan mereka dalam masyarakat berdasarkan keanggotaan dalam kumpulan sosial tertentu. Dalam konteks masyarakat majmuk, pengalaman yang melibatkan identiti kumpulan boleh mempengaruhi cara individu memahami hubungan mereka dengan komuniti yang lebih besar, termasuk negara. Oleh itu, pengalaman mikroagresi yang berkaitan dengan identiti sosial berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui penglibatan individu dalam perbincangan berkaitan kaum, agama dan institusi diraja dalam media sosial.

Walaupun penyelidikan berkaitan mikroagresi semakin berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada kesan mikroagresi terhadap kesejahteraan psikologi, kesihatan mental, tekanan emosi dan hubungan antara kumpulan. Kajian yang meneliti hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional masih terhad, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia. Selain itu, peranan wacana 3R sebagai mekanisme yang menjelaskan hubungan antara mikroagresi dan identiti nasional juga masih kurang diterokai secara empirikal. Kekurangan kajian dalam bidang ini mewujudkan jurang pengetahuan yang penting memandangkan media sosial kini menjadi ruang utama pembentukan dan rundingan identiti dalam kalangan generasi muda.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia

dengan memberi tumpuan kepada peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam media sosial. Kajian ini mengintegrasikan Teori Mikroagresi dan Teori Identiti Sosial bagi menjelaskan bagaimana pengalaman komunikasi yang bersifat diskriminatif secara halus boleh mempengaruhi pembentukan identiti nasional melalui penglibatan dalam wacana berkaitan identiti. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada perkembangan literatur berkaitan komunikasi digital, identiti sosial dan pembinaan negara bangsa, di samping menyediakan panduan kepada pembuat dasar, institusi pendidikan dan pengamal komunikasi dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional dalam era digital.

1.1. Permasalahan Kajian

Perkembangan media sosial telah meningkatkan keterdedahan pengguna kepada pelbagai bentuk komunikasi berasaskan identiti, termasuk tingkah laku mikroagresi yang melibatkan stereotaip, penghinaan halus dan penafian identiti. Walaupun kajian berkaitan mikroagresi semakin berkembang dalam bidang psikologi, pendidikan dan komunikasi, kebanyakan penyelidikan terdahulu lebih tertumpu kepada kesan mikroagresi terhadap kesejahteraan psikologi, tekanan emosi, diskriminasi dan hubungan antara kumpulan. Oleh itu, pemahaman mengenai bagaimana tingkah laku mikroagresi mempengaruhi pembangunan identiti nasional masih berada pada tahap yang terhad, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk yang semakin dipengaruhi oleh komunikasi digital.

Selain itu, kajian-kajian terdahulu lazimnya meneliti mikroagresi sebagai pemboleh ubah hasil yang dikaitkan dengan prasangka, diskriminasi dan konflik sosial. Sebaliknya, kajian yang mengkaji mikroagresi sebagai faktor yang berpotensi mempengaruhi pembentukan identiti yang lebih luas, termasuk identiti nasional, masih kurang diberikan perhatian. Kekurangan ini mewujudkan jurang teori yang penting kerana identiti nasional merupakan salah satu elemen utama yang menyumbang kepada kestabilan sosial, perpaduan masyarakat dan pembinaan negara bangsa dalam masyarakat berbilang etnik.

Dalam konteks Malaysia, perbincangan berkaitan kaum, agama dan institusi diraja atau lebih dikenali sebagai isu 3R sering menjadi sebahagian daripada komunikasi awam dalam media sosial. Walaupun isu 3R sering dikaitkan dengan polarisasi sosial, konflik identiti dan ketegangan antara kumpulan, terdapat kekurangan bukti empirikal yang menjelaskan bagaimana penglibatan dalam wacana 3R mempengaruhi pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada implikasi negatif isu 3R terhadap keharmonian sosial tanpa meneliti kemungkinan bahawa wacana berkaitan identiti juga boleh berfungsi sebagai mekanisme yang mempengaruhi pembentukan identiti nasional.

Tambahan pula, kajian yang meneliti peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional masih sangat terhad. Kekurangan kajian empirikal yang mengintegrasikan ketiga-tiga dimensi 3R dalam satu model struktur menyebabkan pemahaman mengenai mekanisme sebenar yang menghubungkan pengalaman mikroagresi dengan pembangunan identiti nasional masih belum jelas. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan model empirikal yang mampu menjelaskan bagaimana tingkah laku mikroagresi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui penglibatan dalam wacana 3R dalam media sosial.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional serta meneliti peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam kalangan belia Malaysia. Kajian ini dijangka dapat memperluaskan pemahaman mengenai hubungan antara komunikasi digital, mikroagresi dan pembentukan identiti nasional dalam masyarakat majmuk yang semakin bergantung kepada media sosial sebagai ruang utama interaksi sosial.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia dengan memberi tumpuan kepada peranan mediasi wacana 3R dalam media sosial.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.
- ii. Mengkaji peranan mediasi wacana perkauman dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.
- iii. Mengkaji peranan mediasi wacana agama dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.
- iv. Mengkaji peranan mediasi wacana institusi diraja dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2. Sorotan Literatur

2.1. Teori Mikroagresi

Teori Mikroagresi diperkenalkan oleh Pierce (1970) untuk menerangkan bentuk diskriminasi harian yang berlaku secara halus terhadap kumpulan minoriti. Konsep ini kemudiannya diperluaskan oleh Sue et al. (2007) yang mentakrifkan mikroagresi sebagai ungkapan, tingkah laku atau tindakan harian yang menyampaikan mesej negatif, menghina atau meminggirkan individu berdasarkan identiti sosial mereka. Berbeza dengan diskriminasi yang bersifat terang-terangan, mikroagresi lazimnya berlaku secara tidak langsung dan sering dianggap sebagai tindakan yang tidak disengajakan. Walau bagaimanapun, kesan kumulatif daripada pengalaman mikroagresi boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi, persepsi sosial dan hubungan antara kumpulan. Menurut Sue et al. (2007), mikroagresi boleh dikategorikan kepada tiga bentuk utama iaitu mikroserangan (*microassault*), mikrohinaan (*microinsult*) dan mikropenafian (*microinvalidation*). Ketiga-tiga bentuk ini mewakili tahap diskriminasi yang berbeza tetapi berkongsi ciri utama iaitu menyampaikan mesej yang merendahkan atau menafikan identiti seseorang individu. Dalam persekitaran digital, mikroagresi sering berlaku melalui komen media sosial, perbincangan dalam talian, penggunaan bahasa stereotaip, meme, kandungan visual serta naratif yang meminggirkan kumpulan tertentu (Matamoros-Fernández & Farkas, 2021).

Perkembangan media sosial telah memperluaskan ruang penyebaran mikroagresi kerana pengguna boleh berinteraksi secara anonim dan berkomunikasi kepada khalayak yang lebih besar tanpa batasan geografi. Kajian kontemporari menunjukkan bahawa mikroagresi dalam talian bukan sahaja mempengaruhi individu yang menjadi sasaran, malah turut membentuk persepsi sosial terhadap kumpulan tertentu dan mempengaruhi dinamik hubungan antara kumpulan dalam masyarakat (Williams, 2021). Oleh itu, Teori Mikroagresi menyediakan asas yang sesuai untuk memahami bagaimana pengalaman diskriminasi halus dalam media sosial boleh mempengaruhi pembentukan identiti yang lebih luas, termasuk identiti nasional.

Dalam konteks kajian ini, Teori Mikroagresi digunakan untuk menjelaskan bagaimana tingkah laku mikroagresi yang dialami atau diperhatikan oleh belia dalam media sosial boleh mempengaruhi penglibatan mereka dalam wacana berkaitan kaum, agama dan institusi diraja. Penglibatan tersebut seterusnya berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2.2. Teori Identiti Sosial

Teori Identiti Sosial yang diperkenalkan oleh Tajfel dan Turner (1979) merupakan antara teori utama yang digunakan untuk menjelaskan bagaimana identiti individu terbentuk melalui keanggotaan dalam kumpulan sosial. Teori ini menyatakan bahawa individu cenderung mengkategorikan diri mereka dan orang lain ke dalam kumpulan tertentu berdasarkan ciri-ciri sosial seperti etnik, agama, kewarganegaraan, budaya dan ideologi. Proses pengkategorian ini membantu individu memahami kedudukan mereka dalam masyarakat serta membentuk persepsi terhadap kumpulan sendiri dan kumpulan lain.

Menurut teori ini, pembentukan identiti sosial berlaku melalui tiga proses utama iaitu pengkategorian sosial, pengenalanpastian sosial dan perbandingan sosial. Pengkategorian sosial merujuk kepada proses mengelaskan individu ke dalam kumpulan tertentu. Pengenalanpastian sosial berlaku apabila individu menerima keanggotaan kumpulan tersebut sebagai sebahagian daripada identiti diri mereka. Seterusnya, perbandingan sosial berlaku apabila individu membandingkan kumpulan sendiri dengan kumpulan lain bagi mengekalkan imej positif terhadap kumpulan yang dianggotai.

Dalam masyarakat majmuk, identiti individu sering dibentuk melalui pelbagai keanggotaan kumpulan yang saling bertindih. Individu boleh mengenal pasti diri mereka berdasarkan etnik, agama, budaya dan pada masa yang sama sebagai warganegara sesebuah negara. Oleh itu, identiti nasional sering dianggap sebagai elemen penting dalam mengekalkan kestabilan sosial, perpaduan dan keharmonian dalam sesebuah negara (Mylonas & Tudor, 2021; Verkuyten et al., 2023).

Perkembangan media sosial telah mengubah proses pembentukan identiti sosial dengan menyediakan ruang baharu untuk individu berinteraksi, berkongsi pandangan dan terlibat dalam perbincangan berkaitan identiti. Dalam persekitaran digital, pengguna sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk wacana yang berkaitan dengan identiti kumpulan, termasuk isu kaum, agama dan institusi diraja. Pendedahan berterusan kepada wacana tersebut berpotensi mempengaruhi bagaimana individu memahami kedudukan mereka dalam masyarakat dan membentuk rasa kekitaan terhadap negara. Dalam kajian ini, Teori Identiti Sosial digunakan bagi menjelaskan bagaimana penglibatan dalam wacana 3R dalam media sosial boleh mempengaruhi pembangunan

identiti nasional. Teori ini membantu menerangkan bagaimana pengalaman mikroagresi dan interaksi berkaitan identiti dalam media sosial berpotensi membentuk persepsi belia terhadap kepelbagaian sosial, perpaduan dan identiti kebangsaan.

2.3. Tingkah Laku Mikroagresi

Tingkah laku mikroagresi merujuk kepada bentuk komunikasi diskriminatif yang berlaku secara halus melalui perkataan, tindakan atau isyarat yang menyampaikan mesej negatif terhadap individu berdasarkan identiti sosial mereka. Menurut Sue et al. (2007), mikroagresi sering berlaku dalam interaksi harian dan boleh disampaikan sama ada secara sadar atau tidak sadar. Walaupun dianggap sebagai bentuk diskriminasi yang bersifat halus, kesan kumulatif mikroagresi boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap penerimaan sosial, hubungan antara kumpulan dan rasa kekitaan dalam masyarakat.

Dalam persekitaran media sosial, tingkah laku mikroagresi menjadi semakin kompleks kerana komunikasi berlaku secara pantas dan melibatkan khalayak yang lebih luas. Pengguna boleh terdedah kepada pelbagai bentuk stereotaip, penghinaan tersirat dan penafian identiti melalui komen, perbincangan dalam talian, kandungan visual serta naratif yang dikongsi dalam platform digital. Situasi ini menjadikan media sosial sebagai salah satu ruang utama di mana pengalaman mikroagresi berlaku dan mempengaruhi pembentukan persepsi sosial serta identiti individu.

Sue et al. (2007) mengklasifikasikan mikroagresi kepada tiga dimensi utama iaitu mikroserangan (*microassault*), mikrohinan (*microinsult*) dan mikropenafian (*microinvalidation*). Ketiga-tiga dimensi ini digunakan dalam kajian ini bagi mengukur tingkah laku mikroagresi dalam kalangan belia Malaysia.

2.3.1. Mikroserangan (*Microassault*)

Mikroserangan merujuk kepada bentuk mikroagresi yang paling jelas dan hampir menyerupai diskriminasi secara terbuka. Ia melibatkan penggunaan bahasa, simbol atau tindakan yang bertujuan untuk menghina, merendahkan atau mengecualikan individu berdasarkan identiti sosial tertentu. Walaupun mikroserangan lazimnya lebih mudah dikenal pasti berbanding bentuk mikroagresi yang lain, ia masih boleh berlaku dalam bentuk yang terselindung melalui penggunaan jenaka, sindiran atau naratif tertentu yang menyasarkan kumpulan sosial tertentu (Sue et al., 2007).

Dalam konteks media sosial, mikroserangan boleh berlaku melalui penggunaan kata-kata yang berbaur perkauman, penghinaan terhadap agama, penyebaran stereotaip atau kandungan yang secara langsung merendahkan sesuatu kumpulan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa mikroserangan dalam talian berpotensi meningkatkan ketegangan antara kumpulan serta mengukuhkan persepsi negatif terhadap kumpulan tertentu (Matamoros-Fernández & Farkas, 2021). Oleh kerana sifatnya yang lebih jelas dan langsung, mikroserangan sering dianggap sebagai bentuk mikroagresi yang paling mudah dikenali oleh pengguna media sosial.

2.3.2. Mikrohinan (*Microinsult*)

Mikrohinan merujuk kepada ungkapan atau tingkah laku yang menyampaikan mesej yang merendahkan, memperkecilkan atau mempersoalkan kebolehan dan nilai seseorang berdasarkan identiti sosial mereka. Berbeza dengan mikroserangan,

mikrohinaan biasanya disampaikan secara tidak langsung dan sering kali tidak disadari oleh pelaku. Walau bagaimanapun, penerima mesej tersebut masih boleh merasakan bahawa identiti mereka dipandang rendah atau tidak dihargai.

Dalam media sosial, mikrohinaan boleh berlaku melalui komen yang mempersoalkan keupayaan individu berdasarkan etnik, agama atau latar belakang budaya mereka. Bentuk komunikasi ini sering muncul dalam perbincangan berkaitan isu sosial dan politik apabila pengguna membuat generalisasi atau andaian terhadap kumpulan tertentu. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan berulang kepada mikrohinaan boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap penerimaan sosial serta mengurangkan rasa keterikatan mereka terhadap komuniti yang lebih luas (Williams, 2021).

Selain itu, mikrohinaan juga boleh menyumbang kepada pembentukan stereotaip sosial yang berpanjangan kerana mesej yang disampaikan sering dianggap normal atau tidak bermasalah dalam persekitaran komunikasi harian. Oleh itu, walaupun mikrohinaan kelihatan kurang agresif berbanding mikroserangan, kesannya terhadap persepsi sosial dan pembentukan identiti tidak boleh dipandang ringan.

2.3.3. Mikropenafian (Microinvalidation)

Mikropenafian merujuk kepada bentuk mikroagresi yang menafikan, mengabaikan atau memperkecilkan pengalaman, perasaan dan realiti sosial yang dialami oleh individu atau kumpulan tertentu. Bentuk mikroagresi ini berlaku apabila seseorang menolak atau mempersoalkan pengalaman diskriminasi yang dilaporkan oleh individu lain, sekali gus menyebabkan pengalaman tersebut dianggap tidak sah atau tidak penting (Sue et al., 2007).

Dalam media sosial, mikropenafian boleh berlaku apabila pengguna menolak pengalaman diskriminasi yang dikongsikan oleh individu lain atau menganggap isu berkaitan identiti sebagai sesuatu yang tidak relevan. Sebagai contoh, pengalaman yang melibatkan stereotaip, prasangka atau layanan tidak adil mungkin dipersoalkan atau diketepikan dengan alasan bahawa isu tersebut tidak lagi wujud dalam masyarakat. Tindakan sedemikian boleh menyebabkan individu yang terlibat merasakan bahawa pengalaman mereka tidak diiktiraf atau tidak dihargai.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengalaman mikroagresi, termasuk penafian terhadap pengalaman identiti individu, boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi, penerimaan sosial dan rasa keterikatan dalam masyarakat (Sue et al., 2007; Williams, 2021). Dalam masyarakat majmuk, mikropenafian juga berpotensi mempengaruhi hubungan antara kumpulan kerana ia menghalang proses pemahaman dan pengiktirafan terhadap pengalaman sosial yang berbeza. Oleh itu, mikropenafian merupakan dimensi penting dalam memahami bagaimana mikroagresi mempengaruhi pembentukan identiti dan hubungan sosial dalam persekitaran digital.

2.4. Pembangunan Identiti Nasional

Pembangunan identiti nasional merujuk kepada proses pembentukan rasa kekitaan, kesetiaan dan keterikatan individu terhadap negara yang dikongsi bersama oleh anggota masyarakat. Identiti nasional bukan sekadar merujuk kepada status kewarganegaraan, tetapi turut melibatkan penghayatan terhadap nilai, simbol, sejarah, budaya dan aspirasi kebangsaan yang menjadi asas kepada pembentukan negara bangsa. Dalam masyarakat

majmuk, identiti nasional memainkan peranan penting sebagai mekanisme yang menyatukan pelbagai kumpulan etnik, agama dan budaya di bawah satu identiti kolektif yang lebih luas.

Menurut Teori Identiti Sosial, identiti nasional merupakan salah satu bentuk identiti sosial yang terbentuk melalui keanggotaan individu dalam komuniti kebangsaan. Individu yang mempunyai tahap identiti nasional yang tinggi lazimnya menunjukkan rasa bangga terhadap negara, komitmen terhadap nilai kebangsaan serta kesediaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Pembentukan identiti nasional turut dipengaruhi oleh proses pengenalanpastian kumpulan, pengalaman sosial dan persepsi terhadap hubungan antara kumpulan dalam masyarakat majmuk. Dalam konteks ini, identiti nasional berkembang melalui interaksi berterusan antara individu dengan pelbagai kumpulan sosial yang membentuk pengalaman dan rasa kekitaan mereka terhadap negara (Verkuyten, 2021; Verkuyten et al., 2023).

Dalam era digital, pembangunan identiti nasional semakin dipengaruhi oleh pengalaman komunikasi yang berlaku dalam media sosial. Platform digital membolehkan individu berinteraksi dengan pelbagai kumpulan sosial, terdedah kepada pelbagai naratif berkaitan identiti dan mengambil bahagian dalam perbincangan awam yang melibatkan isu kebangsaan. Pendedahan kepada kandungan berkaitan identiti, kepelbagaian dan hubungan antara kumpulan berpotensi mempengaruhi cara individu memahami kedudukan mereka sebagai anggota masyarakat dan warganegara sesebuah negara.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa identiti nasional dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk pengalaman sosial, pendidikan, penglibatan sivik, patriotisme dan persepsi terhadap hubungan antara kumpulan (Mylonas & Tudor, 2021; Wood, 2022). Walau bagaimanapun, penyelidikan yang meneliti peranan komunikasi digital dan pengalaman mikroagresi dalam mempengaruhi pembangunan identiti nasional masih terhad. Kekurangan ini amat ketara dalam konteks masyarakat majmuk yang menyaksikan media sosial berfungsi sebagai ruang utama bagi rundingan identiti dan perbincangan isu berkaitan kepelbagaian sosial.

Dalam kajian ini, pembangunan identiti nasional diukur berdasarkan lima dimensi utama yang diadaptasi daripada kerangka identiti nasional yang digunakan dalam penyelidikan terdahulu, iaitu dimensi keahlian (*membership dimension*), penghargaan peribadi (*private regard dimension*), penghargaan awam (*public regard dimension*), identiti (*identity dimension*) dan perbandingan sosial (*comparative dimension*). Kelima-lima dimensi ini membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap bagaimana individu mentafsir hubungan mereka dengan negara dan masyarakat secara keseluruhan.

Oleh itu, pembangunan identiti nasional dalam kajian ini merujuk kepada tahap keterikatan psikologi, emosi dan sosial belia Malaysia terhadap negara yang terbentuk melalui pengalaman komunikasi dan interaksi sosial dalam persekitaran digital. Konstruk ini berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar yang membolehkan penyelidik menilai sejauh mana tingkah laku mikroagresi dan penglibatan dalam wacana 3R mempengaruhi pembentukan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2.5. Wacana 3R dalam Media Sosial

Wacana 3R merujuk kepada perbincangan berkaitan kaum (*race*), agama (*religion*) dan institusi diraja (*royalty*) yang sering muncul dalam komunikasi awam dan media sosial di Malaysia. Ketiga-tiga isu ini mempunyai kedudukan yang signifikan dalam konteks sosial, politik dan budaya negara kerana berkait rapat dengan sejarah pembentukan negara, struktur masyarakat serta prinsip-prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, isu 3R sering dianggap sebagai isu sensitif yang mempunyai potensi untuk mempengaruhi hubungan antara kumpulan dan persepsi terhadap identiti nasional.

Perkembangan media sosial telah meningkatkan keterlihatan dan penyebaran wacana 3R dalam kalangan masyarakat. Berbanding media tradisional yang dikawal oleh organisasi media tertentu, media sosial membolehkan pengguna menghasilkan, berkongsi dan mengulas kandungan secara bebas. Keadaan ini menyebabkan isu berkaitan kaum, agama dan institusi diraja sering menjadi topik perbincangan yang mendapat perhatian tinggi dalam ruang digital. Dalam sesetengah keadaan, perbincangan tersebut boleh meningkatkan polarisasi sosial dan konflik identiti. Namun demikian, wacana berkaitan identiti juga berpotensi mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam mengenai kepelbagaian sosial dan nilai kebangsaan yang dikongsi bersama. Berdasarkan Teori Identiti Sosial, perbincangan berkaitan identiti kumpulan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap cara individu memahami kedudukan mereka dalam masyarakat. Oleh itu, pendedahan kepada wacana 3R dalam media sosial berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui proses penilaian semula terhadap hubungan antara identiti kumpulan dan identiti kebangsaan. Dalam kajian ini, wacana 3R dioperasikan melalui tiga dimensi utama iaitu wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa isu kaum, agama dan institusi diraja terus menjadi antara topik yang paling sensitif dalam komunikasi digital di Malaysia kerana berkait rapat dengan perpaduan sosial dan kestabilan negara (Meerangani et al., 2024; Abdul Hamid & Zawawi, 2023).

Peningkatan perbincangan berkaitan identiti dalam media sosial turut menarik perhatian pihak berkuasa kerana potensi kandungan dalam talian untuk mempengaruhi hubungan sosial dan keharmonian masyarakat. Malaysia telah merekodkan peningkatan permintaan rasmi untuk menyekat atau mengalih keluar kandungan media sosial yang dianggap melanggar undang-undang atau berpotensi menimbulkan ketegangan sosial (Reuters, 2024). Pada masa yang sama, pengenalan kerangka kawal selia baharu terhadap platform digital seperti TikTok dan WeChat menunjukkan usaha kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus ruang digital yang semakin berpengaruh dalam membentuk interaksi sosial dan perbincangan awam (Reuters, 2025).

2.5.1. Wacana Perkauman (*RaRISME*)

Wacana perkauman merujuk kepada perbincangan yang melibatkan isu berkaitan etnik, hubungan antara kaum, hak kumpulan etnik, stereotaip, diskriminasi dan kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, isu berkaitan kaum sering menjadi topik utama dalam media sosial kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai sejarah, budaya dan pengalaman sosial yang berbeza.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbincangan berkaitan kaum boleh menghasilkan kesan yang berbeza bergantung kepada konteks komunikasi dan cara isu

tersebut dibincangkan. Dalam sesetengah keadaan, wacana perkauman boleh meningkatkan prasangka, stereotaip dan polarisasi sosial. Namun demikian, perbincangan yang bersifat konstruktif juga berpotensi meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian sosial, memupuk toleransi dan menggalakkan pemahaman antara kumpulan (Cinelli et al., 2021). Oleh itu, wacana perkauman berpotensi memainkan peranan penting dalam proses pembentukan identiti nasional dalam masyarakat majmuk.

2.5.2. Wacana Agama (ReRISME)

Wacana agama merujuk kepada perbincangan yang melibatkan kepercayaan, amalan, nilai dan institusi keagamaan yang wujud dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, agama mempunyai kedudukan yang penting dalam kehidupan sosial kerana ia bukan sahaja membentuk sistem kepercayaan individu, malah turut mempengaruhi norma sosial, budaya dan hubungan antara kumpulan.

Media sosial telah menjadi platform utama bagi pengguna berkongsi pandangan berkaitan agama, membincangkan isu keagamaan dan menyuarakan pendapat mengenai hubungan antara agama. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada wacana agama boleh mempengaruhi pembentukan identiti individu kerana agama sering berfungsi sebagai sumber utama nilai, makna dan rasa kekitaan (Valkenburg et al., 2022). Oleh itu, wacana agama berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui pengukuhan nilai bersama dan persepsi terhadap perpaduan dalam masyarakat.

2.5.3. Wacana Institusi Diraja (RoRISME)

Wacana institusi diraja merujuk kepada perbincangan yang melibatkan kedudukan, peranan dan kepentingan institusi diraja dalam sistem kenegaraan Malaysia. Institusi diraja merupakan salah satu elemen unik dalam sistem pemerintahan negara dan sering dikaitkan dengan sejarah, tradisi serta simbol kedaulatan negara.

Dalam media sosial, perbincangan berkaitan institusi diraja boleh melibatkan isu perlembagaan, peranan raja dalam sistem demokrasi, simbol kebangsaan dan pandangan masyarakat terhadap institusi tersebut. Walaupun institusi diraja sering dianggap sebagai simbol perpaduan dan kesinambungan negara, tahap pengaruhnya terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan generasi muda masih kurang difahami secara empirikal. Oleh itu, kajian ini meneliti sama ada wacana institusi diraja berfungsi sebagai mekanisme yang menghubungkan tingkah laku mikroagresi dengan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2.6. Pembangunan Hipotesis

2.6.1. Tingkah Laku Mikroagresi dan Pembangunan Identiti Nasional

Teori Mikroagresi menjelaskan bahawa pengalaman diskriminasi yang berlaku secara halus boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap kedudukan mereka dalam masyarakat dan hubungan mereka dengan kumpulan sosial yang lebih luas (Sue et al., 2007). Dalam konteks masyarakat majmuk, pengalaman mikroagresi bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi individu, malah berpotensi mempengaruhi rasa kekitaan, penerimaan sosial dan identiti kolektif. Kajian terdahulu

menunjukkan bahawa pengalaman yang melibatkan stereotaip, penghinaan dan penafian identiti boleh mempengaruhi bagaimana individu menilai hubungan mereka dengan masyarakat dan negara (Sue et al., 2007; Williams, 2021).

Berdasarkan Teori Identiti Sosial, pengalaman yang melibatkan identiti kumpulan berpotensi mempengaruhi pembentukan identiti yang lebih luas, termasuk identiti nasional. Oleh itu, tingkah laku mikroagresi dijangka mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

H1: Tingkah laku mikroagresi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2.6.2. Peranan Mediasi Wacana Perkauman

Wacana perkauman merujuk kepada perbincangan yang melibatkan isu etnik, hubungan antara kaum dan kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Dalam konteks media sosial, pengguna sering terdedah kepada pelbagai bentuk naratif berkaitan identiti etnik yang berpotensi mempengaruhi persepsi mereka terhadap hubungan antara kumpulan dan identiti kebangsaan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendedahan kepada perbincangan berkaitan kaum boleh mempengaruhi pemahaman individu terhadap kepelbagaian sosial dan rasa kekitaan dalam masyarakat (Cinelli et al., 2021).

Pengalaman mikroagresi yang berkaitan dengan identiti kumpulan dijangka meningkatkan penglibatan individu dalam perbincangan berkaitan kaum dalam media sosial. Penglibatan tersebut seterusnya berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui proses penilaian semula terhadap hubungan antara identiti etnik dan identiti kebangsaan.

H2: Wacana perkauman memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

2.6.3. Peranan Mediasi Wacana Agama

Agama merupakan salah satu sumber utama pembentukan identiti dalam masyarakat majmuk. Dalam persekitaran media sosial, pengguna sering terlibat dalam perbincangan yang berkaitan dengan kepercayaan, nilai dan amalan keagamaan. Kajian menunjukkan bahawa agama berperanan penting dalam membentuk rasa kekitaan, solidariti sosial dan identiti kolektif (Valkenburg et al., 2022).

Pengalaman mikroagresi yang melibatkan identiti sosial dijangka meningkatkan perhatian individu terhadap isu keagamaan yang dibincangkan dalam media sosial. Pendedahan kepada wacana agama seterusnya berpotensi mempengaruhi pembangunan identiti nasional melalui pengukuhan nilai bersama dan persepsi terhadap perpaduan sosial.

H3: Wacana agama memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.


2.6.4. Peranan Mediasi Wacana Institusi Diraja

Institusi diraja merupakan salah satu simbol penting dalam sistem kenegaraan Malaysia dan sering dikaitkan dengan sejarah, tradisi dan identiti kebangsaan. Dalam media sosial, perbincangan berkaitan institusi diraja melibatkan pelbagai isu yang berkaitan dengan peranan, kedudukan dan kepentingan institusi tersebut dalam masyarakat.

Berdasarkan Teori Identiti Sosial, simbol dan institusi kebangsaan berpotensi mempengaruhi pembentukan identiti kolektif. Oleh itu, penglibatan dalam wacana institusi diraja dijangka berfungsi sebagai mekanisme yang menghubungkan pengalaman mikroagresi dengan pembangunan identiti nasional.

H4: Wacana institusi diraja memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia.

Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian Model Mediasi Selari antara Tingkah Laku Mikroagresi, Wacana 3R dan Pembangunan Identiti Nasional



Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibangunkan berdasarkan Teori Mikroagresi dan Teori Identiti Sosial. Model ini menjelaskan bahawa tingkah laku mikroagresi mempengaruhi pembangunan identiti nasional secara langsung dan secara tidak langsung melalui peranan mediasi selari wacana perkauman (RaRISME), wacana agama (ReRISME) dan wacana institusi diraja (RoRISME) dalam media sosial.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian keratan rentas bagi mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional melalui peranan mediasi wacana 3R dalam media sosial. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan hubungan antara konstruk yang dikaji diuji secara empirikal melalui analisis statistik yang sistematik. Reka bentuk keratan rentas pula sesuai digunakan kerana data dikumpulkan pada satu tempoh masa tertentu bagi menggambarkan persepsi dan pengalaman responden berkaitan konstruk yang dikaji.

Kajian ini berasaskan paradigma pascapositivisme yang menekankan pengukuran objektif terhadap fenomena sosial melalui penggunaan instrumen penyelidikan yang standard dan analisis statistik yang sistematik. Penggunaan reka bentuk keratan rentas adalah sesuai bagi mengkaji hubungan antara konstruk sosial dan tingkah laku dalam sesuatu populasi pada satu titik masa tertentu (Wang & Cheng, 2020).

3.2. Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian terdiri daripada belia Malaysia berumur antara 18 hingga 30 tahun yang aktif menggunakan media sosial. Pemilihan julat umur ini adalah selari dengan kerangka pembangunan belia negara yang memberi penekanan kepada penglibatan belia sebagai kumpulan strategik dalam pembangunan sosial, ekonomi dan kenegaraan (Ministry of Youth and Sports Malaysia, 2021). Golongan belia dipilih kerana mereka merupakan kumpulan pengguna media sosial yang paling aktif serta sering terdedah kepada pelbagai bentuk perbincangan berkaitan identiti dalam persekitaran digital.

Pemilihan responden dilakukan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian berstrata bagi memastikan keterwakilan responden berdasarkan ciri-ciri demografi utama. Data kajian melibatkan seramai 369 orang responden yang memenuhi kriteria penyertaan yang telah ditetapkan. Jumlah sampel ini memenuhi keperluan minimum analisis Structural Equation Modelling (SEM) dan mencukupi untuk menjalankan analisis menggunakan pendekatan Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM).

3.3. Instrumen Kajian

Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan instrumen yang telah digunakan dan disahkan dalam kajian-kajian terdahulu. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama yang mengukur konstruk tingkah laku mikroagresi, wacana 3R dalam media sosial dan pembangunan identiti nasional.

Konstruk tingkah laku mikroagresi diukur melalui tiga dimensi utama iaitu mikroserangan (*microassault*), mikrohinaan (*microinsult*) dan mikropenafian (*microinvalidation*). Konstruk wacana 3R pula diukur melalui tiga dimensi iaitu wacana perkauman (RaRISME), wacana agama (ReRISME) dan wacana institusi diraja (RoRISME). Manakala pembangunan identiti nasional diukur melalui lima dimensi utama iaitu dimensi keahlian, dimensi penghargaan peribadi, dimensi penghargaan awam, dimensi identiti dan dimensi perbandingan. Kesemua item diukur menggunakan skala Likert lima mata yang bermula daripada 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju.

3.4. Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dijalankan secara dalam talian menggunakan borang soal selidik elektronik. Responden diberikan penerangan berkaitan tujuan kajian dan dimaklumkan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela. Kerahsiaan maklumat responden turut dijamin dan data yang diperoleh digunakan hanya bagi tujuan akademik.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, instrumen kajian telah melalui proses kajian rintis bagi memastikan kejelasan item, kesesuaian bahasa serta tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

3.5. Analisis Data

Data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27 dan SmartPLS versi 4. Analisis deskriptif digunakan bagi menerangkan profil demografi responden. Seterusnya, analisis Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) digunakan bagi menguji model pengukuran dan model struktur yang dicadangkan.

Penilaian model pengukuran melibatkan pengujian kebolehpercayaan dalaman, kesahan konvergen dan kesahan diskriminan menggunakan nilai Alfa Cronbach, Composite Reliability (CR), Average Variance Extracted (AVE) dan Heterotrait-Monotrait Ratio (HTMT). Bagi model struktur, hubungan antara konstruk diuji menggunakan prosedur bootstrapping dengan 500 pensampelan semula bagi menentukan nilai pekali laluan (β), nilai-t dan nilai-p.

Pendekatan PLS-SEM dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk menguji model yang melibatkan konstruk peringkat tinggi (higher-order constructs), pelbagai mediator serta hubungan yang kompleks antara pemboleh ubah kajian. Selain itu, pendekatan ini turut membolehkan pengujian kesan langsung dan kesan tidak langsung secara serentak dalam satu model analisis yang komprehensif. Penggunaan pendekatan PLS-SEM adalah sesuai untuk model yang melibatkan konstruk peringkat tinggi, hubungan mediasi dan model ramalan yang kompleks (Ramayah et al., 2018; Sarstedt et al., 2022).

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Demografi Responden

Seramai 369 responden belia Malaysia telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden berdasarkan umur, jantina, kaum, agama, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan dan corak penggunaan media sosial. Majoriti responden berumur antara 23 hingga 27 tahun (70.7%), diikuti oleh kumpulan umur 28 hingga 30 tahun (22.5%) dan 18 hingga 22 tahun (6.8%). Dari segi jantina, 52.0% responden terdiri daripada lelaki manakala 48.0% terdiri daripada perempuan. Berdasarkan komposisi kaum, responden berbangsa Cina merupakan kumpulan terbesar (43.6%), diikuti oleh Melayu (36.3%), Bumiputera Sabah dan Sarawak (12.5%) serta India (7.6%). Majoriti responden beragama Islam (43.4%).

Dari aspek sosioekonomi, kebanyakan responden memiliki Ijazah Sarjana Muda (68.6%), bekerja dalam sektor swasta (34.4%) dan memperoleh pendapatan bulanan antara RM2,501 hingga RM5,000 (46.3%). Bagi penggunaan media sosial, majoriti responden meluangkan masa antara satu hingga tiga jam sehari (44.7%), manakala TikTok merupakan platform media sosial yang paling kerap digunakan (55.3%), seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 turut menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan belia yang berada dalam lingkungan umur pertengahan belia serta aktif menggunakan media sosial. Corak demografi ini adalah selari dengan laporan penggunaan internet di

Malaysia yang menunjukkan bahawa golongan belia merupakan kumpulan pengguna digital paling aktif dan paling kerap terlibat dalam interaksi sosial dalam talian (MCMC, 2025; We Are Social & Meltwater, 2024).

Jadual 1. Profil Demografi Responden (N = 369)

Pemboleh Ubah	Kategori Dominan	n	%
Umur	23–27 tahun	261	70.7
Jantina	Lelaki	192	52.0
Kaum	Cina	161	43.6
Agama	Islam	160	43.4
Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	253	68.6
Pekerjaan	Sektor Swasta	127	34.4
Pendapatan	RM2,501–RM5,000	171	46.3
Media Sosial	1–3 jam sehari	165	44.7
Platform Utama	TikTok	204	55.3

4.2. Penilaian Model Pengukuran

Penilaian model pengukuran dijalankan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan dan kesahan konstruk yang digunakan dalam kajian. Penilaian ini melibatkan pengujian kebolehpercayaan dalaman dan kesahan konvergen berdasarkan garis panduan yang dicadangkan oleh Hair et al. (2022). Jadual 2 menunjukkan keputusan kebolehpercayaan dan kesahan konvergen bagi semua konstruk yang diuji.

Jadual 2: Kebolehpercayaan dan Kesahan Konvergen Konstruk Tahap 2

Konstruk	Cronbach's Alpha	Composite Reliability	AVE
Tingkah Laku Mikroagresi	0.873	0.921	0.797
Wacana Perkauman (RaRISME)	0.867	0.905	0.658
Wacana Agama (ReRISME)	0.830	0.881	0.650
Wacana Institusi Diraja (RoRISME)	0.929	0.944	0.740
Pembangunan Identiti Nasional	0.855	0.897	0.635

Jadual 2 menunjukkan bahawa semua konstruk mencapai nilai Cronbach's Alpha antara 0.830 hingga 0.929, manakala nilai Composite Reliability berada dalam julat 0.881 hingga 0.944, iaitu melebihi nilai ambang minimum 0.70 yang dicadangkan oleh Hair et al. (2022). Selain itu, nilai Average Variance Extracted (AVE) bagi semua konstruk berada antara 0.635 hingga 0.797, sekali gus melepasi nilai minimum 0.50 yang disyorkan bagi mengesahkan kesahan konvergen.

Secara keseluruhannya, dapatan dalam Jadual 2 mengesahkan bahawa semua konstruk mempunyai tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan memenuhi kriteria kesahan konvergen. Oleh itu, model pengukuran adalah memuaskan dan sesuai untuk diteruskan kepada penilaian kesahan diskriminan serta analisis model struktur.

Setelah kebolehpercayaan dalaman dan kesahan konvergen disahkan, penilaian seterusnya melibatkan kesahan diskriminan bagi memastikan setiap konstruk dalam model benar-benar mengukur konsep yang berbeza. Kesahan diskriminan dinilai menggunakan kaedah Heterotrait-Monotrait Ratio (HTMT) berdasarkan cadangan Henseler et al. (2015). Jadual 3 menunjukkan keputusan penilaian kesahan diskriminan bagi semua konstruk dalam kajian ini.

Jadual 3: Kesahan Diskriminan (HTMT)

Konstruk	MA	RaRISME	ReRISME	RoRISME	NID
MA	-				
RaRISME	0.554	-			
ReRISME	0.350	0.716	-		
RoRISME	0.761	0.410	0.431	-	
NID	0.484	0.646	0.609	0.351	-

Jadual 3 menunjukkan bahawa semua nilai HTMT berada dalam julat 0.350 hingga 0.761, iaitu di bawah nilai ambang 0.85 yang disyorkan oleh Henseler et al. (2015). Nilai HTMT tertinggi direkodkan bagi hubungan antara Tingkah Laku Mikroagresi dan Wacana Institusi Diraja (RoRISME) (HTMT = 0.761), manakala nilai terendah ialah antara Tingkah Laku Mikroagresi dan Wacana Agama (ReRISME) (HTMT = 0.350). Dapatan ini mengesahkan bahawa setiap konstruk mempunyai kesahan diskriminan yang memuaskan serta dapat dibezakan secara empirikal antara satu sama lain. Oleh itu, model pengukuran memenuhi kriteria kesahan diskriminan dan sesuai untuk diteruskan kepada penilaian model struktur.

4.3. Penilaian Model Struktur

Selepas model pengukuran disahkan memenuhi kriteria kebolehpercayaan dan kesahan, penilaian model struktur dijalankan bagi menguji hubungan antara konstruk yang dicadangkan dalam kerangka konseptual kajian. Penilaian ini melibatkan analisis pekali penentuan (R^2), pekali laluan (β) dan pengujian hipotesis menggunakan prosedur bootstrapping dalam SmartPLS 4.0. Jadual 4 menunjukkan nilai pekali penentuan (R^2) bagi setiap konstruk endogen dalam model kajian.

Jadual 4: Pekali Penentuan (R^2)

Konstruk Endogen	R^2	Tafsiran
Wacana Perkauman (RaRISME)	0.283	Sederhana
Wacana Agama (ReRISME)	0.112	Lemah
Wacana Institusi Diraja (RoRISME)	0.509	Sederhana-Substansial
Pembangunan Identiti Nasional	0.419	Sederhana

Jadual 4 menunjukkan bahawa model kajian berjaya menerangkan 41.9% varians dalam Pembangunan Identiti Nasional, yang menunjukkan kuasa penerangan model berada pada tahap sederhana. Bagi konstruk mediator, Wacana Institusi Diraja (RoRISME) merekodkan nilai R^2 tertinggi (0.509), menunjukkan bahawa 50.9% varians dalam konstruk tersebut dapat diterangkan oleh Tingkah Laku Mikroagresi. Sementara itu, Wacana Perkauman (RaRISME) mencatatkan nilai $R^2 = 0.283$, manakala Wacana Agama

(ReRISME) mencatatkan nilai $R^2 = 0.112$, masing-masing menunjukkan tahap kuasa penerangan sederhana dan lemah.

Secara keseluruhannya, dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa model mempunyai kuasa penerangan yang memuaskan dalam menjelaskan hubungan antara Tingkah Laku Mikroagresi, Wacana 3R dan Pembangunan Identiti Nasional. Nilai R^2 yang diperoleh turut menyokong kesesuaian model untuk diteruskan kepada analisis pekali laluan dan pengujian hipotesis.

4.4. Pengujian Hipotesis

Pengujian hipotesis dijalankan menggunakan prosedur bootstrapping dengan 500 pensampelan semula bagi menentukan signifikan statistik setiap laluan dalam model struktur. Kaedah ini digunakan untuk menguji kekuatan hubungan langsung antara konstruk serta menentukan sama ada hipotesis yang dicadangkan disokong oleh data kajian. Jadual 5 menunjukkan keputusan pengujian hipotesis bagi hubungan antara Tingkah Laku Mikroagresi dengan Pembangunan Identiti Nasional dan ketiga-tiga dimensi Wacana 3R.

Jadual 5: Keputusan Pengujian Hipotesis

Hipotes	Laluan	β	t	p	Keputusan
H1	Tingkah Laku Mikroagresi → Pembangunan Identiti Nasional	0.252	3.160	0.0017	Diterima
H2	Tingkah Laku Mikroagresi → RaRISME	0.532	17.074	0.000	Diterima
H3	Tingkah Laku Mikroagresi → ReRISME	0.335	9.648	0.000	Diterima
H4	Tingkah Laku Mikroagresi → RoRISME	0.713	22.935	0.000	Diterima

Jadual 5 menunjukkan bahawa Tingkah Laku Mikroagresi mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap Pembangunan Identiti Nasional ($\beta = 0.252$, $t = 3.160$, $p = 0.0017$), sekali gus menyokong Hipotesis 1. Selain itu, Tingkah Laku Mikroagresi turut menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan ketiga-tiga dimensi Wacana 3R, iaitu Wacana Institusi Diraja (RoRISME) ($\beta = 0.713$, $t = 22.935$), Wacana Perkauman (RaRISME) ($\beta = 0.532$, $t = 17.074$) dan Wacana Agama (ReRISME) ($\beta = 0.335$, $t = 9.648$), dengan kesemua nilai $p < 0.001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan tingkah laku mikroagresi dikaitkan dengan peningkatan pendedahan kepada perbincangan berkaitan isu kaum, agama dan institusi diraja dalam media sosial.

Seterusnya, hubungan antara ketiga-tiga dimensi Wacana 3R dengan Pembangunan Identiti Nasional dinilai bagi menentukan sama ada setiap dimensi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar. Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis bagi hubungan tersebut.

Jadual 6: Hubungan antara Wacana 3R dan Pembangunan Identiti Nasional

Laluan	β	t	p	Keputusan
RaRISME → Pembangunan Identiti Nasional	0.273	3.180	0.0016	Signifikan
ReRISME → Pembangunan Identiti Nasional	0.316	3.979	0.0001	Signifikan

Laluan	β	t	p	Keputusan
RoRISME → Pembangunan Identiti Nasional	-0.091	-1.266	0.2062	Tidak Signifikan

Jadual 6 menunjukkan bahawa Wacana Perkauman (RaRISME) ($\beta = 0.273$, $t = 3.180$, $p = 0.0016$) dan Wacana Agama (ReRISME) ($\beta = 0.316$, $t = 3.979$, $p = 0.0001$) mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Pembangunan Identiti Nasional. Sebaliknya, Wacana Institusi Diraja (RoRISME) tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan Pembangunan Identiti Nasional ($\beta = -0.091$, $t = -1.266$, $p = 0.2062$). Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak semua dimensi wacana 3R memberikan kesan yang sama terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia. Secara khusus, hanya wacana berkaitan kaum dan agama menyumbang secara signifikan kepada pembangunan identiti nasional, manakala wacana berkaitan institusi diraja tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan dalam model kajian.

4.5. Analisis Mediasi

Bagi menguji peranan mediasi Wacana 3R, analisis kesan tidak langsung dijalankan menggunakan prosedur bootstrapping dengan selang keyakinan 95%. Analisis ini bertujuan menentukan sama ada Wacana Perkauman (RaRISME), Wacana Agama (ReRISME) dan Wacana Institusi Diraja (RoRISME) berfungsi sebagai pemboleh ubah mediator dalam hubungan antara Tingkah Laku Mikroagresi dan Pembangunan Identiti Nasional (NID). Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis kesan tidak langsung bagi setiap laluan mediasi yang diuji.

Jadual 7: Kesan Tidak Langsung (Specific Indirect Effects)

Hipotesis	Laluan Mediasi	Kesan Tidak Langsung	t	p	Keputusan
H2	MA → RaRISME → NID	0.145	3.07	0.0023	Diterima
H3	MA → ReRISME → NID	0.106	3.55	0.0004	Diterima
H4	MA → RoRISME → NID	-0.065	-1.24	0.2142	Ditolak

Jadual 7 menunjukkan bahawa Wacana Perkauman (RaRISME) dan Wacana Agama (ReRISME) berperanan sebagai mediator yang signifikan dalam hubungan antara Tingkah Laku Mikroagresi dan Pembangunan Identiti Nasional (NID). Laluan mediasi melalui RaRISME menunjukkan kesan tidak langsung yang positif dan signifikan ($\beta = 0.145$, $t = 3.07$, $p = 0.0023$), diikuti oleh laluan mediasi melalui ReRISME ($\beta = 0.106$, $t = 3.55$, $p = 0.0004$). Sebaliknya, laluan mediasi melalui RoRISME tidak menunjukkan kesan yang signifikan ($\beta = -0.065$, $t = -1.24$, $p = 0.2142$), menyebabkan hipotesis berkaitan ditolak.

Secara keseluruhannya, dapatan dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa pendedahan kepada perbincangan berkaitan kaum dan agama dalam media sosial merupakan mekanisme penting yang menerangkan bagaimana Tingkah Laku Mikroagresi mempengaruhi Pembangunan Identiti Nasional dalam kalangan belia Malaysia. Walau bagaimanapun, mekanisme yang sama tidak disokong bagi Wacana Institusi Diraja, menunjukkan bahawa dimensi tersebut tidak memainkan peranan mediasi yang signifikan dalam model kajian.

5. Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia serta meneliti peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam media sosial. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku mikroagresi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional, sama ada secara langsung mahupun melalui mekanisme tertentu dalam wacana 3R. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman komunikasi yang melibatkan mikroagresi tidak semestinya hanya menghasilkan kesan negatif terhadap individu, malah boleh mempengaruhi cara belia mentafsir hubungan mereka dengan masyarakat dan negara.

Dapatan pertama menunjukkan bahawa tingkah laku mikroagresi mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional. Penemuan ini menyokong Teori Mikroagresi yang menjelaskan bahawa pengalaman diskriminasi dan interaksi berasaskan identiti berupaya meningkatkan kesedaran individu terhadap kedudukan sosial mereka dalam masyarakat (Sue et al., 2007). Dalam konteks kajian ini, pendedahan kepada mikroagresi mungkin mendorong belia untuk lebih peka terhadap isu berkaitan kepelbagaian sosial, hubungan antara kumpulan dan kepentingan identiti kebangsaan. Dapatan ini turut selari dengan Teori Identiti Sosial yang menyatakan bahawa pengalaman yang melibatkan identiti kumpulan boleh mempengaruhi pembentukan identiti kolektif yang lebih luas, termasuk identiti nasional (Tajfel & Turner, 1979).

Kajian ini turut mendapati bahawa wacana perkauman berperanan sebagai mediator yang signifikan dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman mikroagresi yang berkaitan dengan identiti sosial meningkatkan kecenderungan individu untuk memberi perhatian kepada perbincangan berkaitan kaum dalam media sosial. Penglibatan dalam wacana tersebut seterusnya mempengaruhi cara belia memahami kepelbagaian etnik dan kedudukan mereka dalam masyarakat Malaysia. Penemuan ini menyokong pandangan bahawa perbincangan berkaitan kaum tidak semestinya membawa kepada polarisasi sosial semata-mata, sebaliknya boleh meningkatkan kesedaran terhadap realiti masyarakat majmuk dan kepentingan identiti kebangsaan yang dikongsi bersama. Dalam konteks ini, wacana perkauman berfungsi sebagai ruang refleksi sosial yang membantu individu menilai semula hubungan antara identiti etnik dan identiti nasional. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa wacana agama turut memainkan peranan mediasi yang signifikan dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional. Penemuan ini menunjukkan bahawa isu keagamaan yang dibincangkan dalam media sosial berpotensi mempengaruhi pembentukan identiti nasional melalui pengukuhan nilai bersama, solidariti sosial dan rasa kekitaan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian agama, perbincangan berkaitan agama sering melibatkan isu nilai, moral dan hubungan antara komuniti yang mempunyai kepercayaan berbeza. Oleh itu, pendedahan kepada wacana agama berupaya membantu individu memahami kepentingan toleransi, penghormatan dan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai. Dapatan ini menunjukkan bahawa agama bukan sahaja berfungsi sebagai identiti peribadi, malah turut memainkan peranan dalam pembentukan identiti kebangsaan yang lebih inklusif.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa wacana institusi diraja tidak memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional. Penemuan ini merupakan dapatan yang menarik kerana walaupun tingkah laku mikroagresi mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan wacana institusi diraja, pengaruh wacana tersebut terhadap pembangunan identiti nasional tidak dapat dibuktikan secara statistik. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendedahan kepada perbincangan berkaitan institusi diraja dalam media sosial tidak semestinya diterjemahkan kepada peningkatan rasa kekitaan atau keterikatan terhadap identiti nasional dalam kalangan belia.

Satu penjelasan yang berpotensi ialah institusi diraja mungkin lebih dilihat sebagai simbol kenegaraan dan warisan sejarah berbanding sebagai mekanisme yang secara langsung mempengaruhi pengalaman harian belia. Berbanding isu kaum dan agama yang lebih dekat dengan pengalaman sosial dan interaksi seharian, isu berkaitan institusi diraja mungkin mempunyai tahap keterlibatan yang lebih rendah dalam kehidupan harian generasi muda. Oleh itu, walaupun belia terdedah kepada perbincangan berkaitan institusi diraja dalam media sosial, pendedahan tersebut tidak semestinya memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan identiti nasional.

Dapatan ini turut membawa kepada penemuan konseptual yang boleh dirujuk sebagai Paradoks RoRISME, iaitu keadaan apabila sesuatu dimensi wacana identiti menunjukkan hubungan yang kuat dengan tingkah laku mikroagresi tetapi gagal mempengaruhi pembangunan identiti nasional secara signifikan. Paradoks ini mencadangkan bahawa tidak semua dimensi wacana 3R mempunyai fungsi yang sama dalam proses pembentukan identiti nasional. Sebaliknya, pengaruh sesuatu wacana bergantung kepada sejauh mana isu tersebut berkait dengan pengalaman sosial, hubungan antara kumpulan dan realiti kehidupan seharian individu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan antara mikroagresi dan pembangunan identiti nasional adalah lebih kompleks daripada yang sering digambarkan dalam literatur terdahulu. Walaupun mikroagresi lazimnya dikaitkan dengan kesan negatif seperti diskriminasi, prasangka dan konflik sosial, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman tersebut juga boleh meningkatkan kesedaran terhadap isu identiti dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan identiti nasional melalui saluran komunikasi tertentu. Penemuan ini memperkukuhkan hujah bahawa media sosial bukan sekadar medium komunikasi, tetapi turut berfungsi sebagai ruang sosial yang mempengaruhi pembentukan identiti dalam masyarakat majmuk yang semakin dipengaruhi oleh teknologi digital.

5.1. Implikasi Teori

Dapatan kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada perkembangan literatur berkaitan mikroagresi, komunikasi digital dan pembangunan identiti nasional. Kajian ini memperluaskan aplikasi Teori Mikroagresi dengan menunjukkan bahawa pengalaman mikroagresi bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan hubungan antara kumpulan, tetapi turut mempunyai implikasi terhadap pembentukan identiti nasional dalam konteks masyarakat majmuk. Penemuan ini menunjukkan bahawa kesan mikroagresi boleh melangkaui tahap individu dan mempengaruhi proses pembentukan identiti kolektif yang lebih luas.

Kajian ini juga mengukuhkan relevansi Teori Identiti Sosial dalam menjelaskan bagaimana pengalaman berkaitan identiti kumpulan boleh mempengaruhi pembangunan identiti nasional. Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan dalam wacana perkauman dan agama berfungsi sebagai mekanisme penting yang menghubungkan pengalaman mikroagresi dengan pembentukan identiti nasional. Penemuan ini menyokong andaian bahawa identiti nasional tidak terbentuk secara terasing, tetapi berkembang melalui interaksi berterusan antara pelbagai identiti sosial yang wujud dalam masyarakat.

Selain itu, kajian ini memperkenalkan konsep Paradoks RoRISME yang menjelaskan bahawa kekuatan hubungan sesuatu wacana identiti dengan mikroagresi tidak semestinya membawa kepada kesan yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional. Penemuan ini membuka ruang kepada pembangunan teori yang lebih mendalam berkaitan fungsi berbeza setiap dimensi identiti dalam proses pembentukan identiti nasional dalam era digital.

5.2. Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi praktikal yang penting kepada pembuat dasar, institusi pendidikan dan pengamal komunikasi dalam usaha memperkukuh pembangunan identiti nasional dalam era digital. Pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa pengalaman komunikasi yang melibatkan isu identiti dalam media sosial tidak semestinya membawa kepada kesan yang negatif terhadap pembangunan identiti nasional. Sebaliknya, pendedahan kepada perbincangan berkaitan kaum dan agama yang berlaku secara terkawal dan konstruktif berpotensi meningkatkan kesedaran sosial, kefahaman terhadap kepelbagaian serta penghargaan terhadap identiti kebangsaan yang dikongsi bersama.

Kedua, dapatan kajian memberikan panduan kepada agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan perpaduan nasional untuk merangka strategi komunikasi digital yang lebih berkesan. Pendekatan yang memberi penekanan kepada dialog antara kumpulan, penghormatan terhadap kepelbagaian dan pengukuhan nilai kebangsaan berpotensi menghasilkan kesan yang lebih positif berbanding pendekatan yang hanya menumpukan kepada kawalan maklumat atau sekatan terhadap perbincangan isu sensitif. Dapatan ini menunjukkan bahawa media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium untuk memupuk kesedaran nasional sekiranya perbincangan berkaitan identiti diuruskan secara berhemah dan inklusif.

Ketiga, institusi pendidikan boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai asas untuk memperkukuh program pendidikan kewarganegaraan, literasi media dan perpaduan nasional. Belia merupakan kumpulan pengguna media sosial yang paling aktif dan terdedah kepada pelbagai bentuk komunikasi berkaitan identiti. Oleh itu, usaha meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami, menilai dan menguruskan perbincangan berkaitan kaum dan agama secara kritikal adalah penting bagi membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dalam persekitaran digital.

Selain itu, pengamal komunikasi, organisasi media dan pengurus media sosial boleh memanfaatkan dapatan kajian ini dalam pembangunan kandungan yang menggalakkan interaksi positif antara kumpulan sosial. Penghasilan kandungan yang menekankan nilai kebersamaan, toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian berpotensi menyumbang kepada pembentukan identiti nasional yang lebih kukuh dalam kalangan

pengguna media sosial. Dalam konteks ini, media sosial tidak hanya berfungsi sebagai saluran penyebaran maklumat, tetapi juga sebagai ruang pembentukan identiti dan pembinaan kohesi sosial.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wacana institusi diraja tidak memainkan peranan mediasi yang signifikan dalam hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional. Penemuan ini memberi petunjuk bahawa pendekatan komunikasi yang terlalu bergantung kepada simbolisme institusi mungkin kurang berkesan dalam mempengaruhi pembentukan identiti nasional dalam kalangan generasi muda. Sebaliknya, pendekatan yang lebih dekat dengan pengalaman sosial harian belia, khususnya yang berkaitan dengan hubungan antara kaum dan agama, berpotensi memberikan impak yang lebih besar terhadap pembangunan identiti nasional.

5.3. Cadangan Kajian Masa Hadapan

Walaupun kajian ini berjaya menjelaskan hubungan antara tingkah laku mikroagresi, wacana 3R dan pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia, beberapa ruang penambahbaikan masih boleh dipertimbangkan dalam penyelidikan akan datang. Kajian ini menggunakan reka bentuk keratan rentas yang hanya mengukur persepsi responden pada satu tempoh masa tertentu. Sehubungan itu, kajian masa hadapan boleh menggunakan reka bentuk longitudinal bagi meneliti perubahan pembangunan identiti nasional dalam tempoh yang lebih panjang serta memahami hubungan sebab dan akibat dengan lebih mendalam.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada belia Malaysia berumur antara 18 hingga 30 tahun. Walaupun kumpulan ini merupakan pengguna media sosial yang aktif, dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada kumpulan umur yang lain. Oleh itu, penyelidikan pada masa hadapan boleh melibatkan kumpulan generasi yang berbeza bagi membandingkan bagaimana pengalaman mikroagresi dan pendedahan kepada wacana 3R mempengaruhi pembangunan identiti nasional dalam konteks demografi yang lebih luas.

Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada tiga dimensi wacana 3R sebagai mediator. Penyelidikan akan datang boleh mempertimbangkan pemboleh ubah lain yang berpotensi mempengaruhi hubungan antara mikroagresi dan identiti nasional seperti literasi media, kepercayaan terhadap media, patriotisme digital, keberkesanan komunikasi antara budaya atau penglibatan sivik dalam talian. Pengintegrasian pemboleh ubah tambahan ini berpotensi memperkayakan pemahaman tentang mekanisme yang menyumbang kepada pembentukan identiti nasional dalam era digital. Kajian masa hadapan juga boleh menggunakan pendekatan kaedah campuran atau kualitatif bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengalaman sebenar belia ketika berhadapan dengan mikroagresi dan perbincangan berkaitan identiti dalam media sosial. Pendekatan sedemikian berpotensi mendedahkan faktor-faktor yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui analisis statistik semata-mata. Memandangkan media sosial sentiasa berubah mengikut perkembangan teknologi dan algoritma platform, penyelidikan masa hadapan turut disarankan untuk meneliti peranan platform tertentu seperti TikTok, Instagram, Facebook atau X dalam mempengaruhi hubungan antara mikroagresi, wacana identiti dan pembangunan identiti nasional. Pendekatan ini dapat membantu menghasilkan pemahaman yang lebih kontekstual mengenai pembentukan identiti dalam persekitaran digital yang semakin kompleks.

6. Kesimpulan

Kajian ini mengkaji pengaruh tingkah laku mikroagresi terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan belia Malaysia dengan meneliti peranan mediasi wacana perkauman, wacana agama dan wacana institusi diraja dalam media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku mikroagresi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan identiti nasional, sama ada secara langsung mahupun melalui mekanisme tertentu dalam wacana 3R. Secara khususnya, wacana perkauman dan wacana agama didapati memediasi secara signifikan hubungan antara tingkah laku mikroagresi dan pembangunan identiti nasional, manakala wacana institusi diraja tidak menunjukkan kesan mediasi yang signifikan.

Penemuan ini menunjukkan bahawa hubungan antara mikroagresi dan pembangunan identiti nasional adalah lebih kompleks daripada yang sering dibincangkan dalam literatur terdahulu. Walaupun mikroagresi lazimnya dikaitkan dengan diskriminasi dan konflik sosial, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman tersebut juga boleh meningkatkan kesedaran terhadap isu identiti dan seterusnya mempengaruhi pembentukan identiti nasional melalui penglibatan dalam perbincangan berkaitan kaum dan agama dalam media sosial.

Dari sudut teori, kajian ini memperluaskan aplikasi Teori Mikroagresi dan Teori Identiti Sosial dalam konteks komunikasi digital serta memperkenalkan konsep Paradoks RoRISME bagi menjelaskan peranan yang berbeza antara dimensi wacana 3R dalam pembentukan identiti nasional. Dari sudut praktikal, dapatan kajian menyediakan panduan kepada pembuat dasar, institusi pendidikan dan pengamal komunikasi dalam merangka strategi komunikasi yang lebih efektif untuk memperkukuh perpaduan dan identiti nasional dalam kalangan generasi muda.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa media sosial bukan sekadar ruang pertukaran maklumat, tetapi turut berfungsi sebagai persekitaran sosial yang mempengaruhi pembentukan identiti dalam masyarakat majmuk. Dalam era digital yang semakin kompleks, pemahaman terhadap hubungan antara mikroagresi, wacana identiti dan pembangunan identiti nasional adalah penting bagi memastikan usaha memperkukuh perpaduan nasional dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan berasaskan bukti empirikal.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) (RECUiTM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan, responden kajian, serta semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut diberikan kepada Universiti

Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan akademik yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Hamid, A. F., & Zawawi, N. (2023). The interplay of race, religion and royalty in contemporary Malaysian politics. In K. Rajandran & C. Lee (Eds.), *Discursive approaches to politics in Malaysia* (pp. 17–31). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7_2
- Avci, H., Baams, L., & Kretschmer, T. (2025). A systematic review of social media use and adolescent identity development. *Adolescent Research Review*, 10(2), 219–236. <https://doi.org/10.1007/s40894-024-00251-1>
- Cinelli, M., De Francisci Morales, G., Galeazzi, A., Quattrociocchi, W., & Starnini, M. (2021). The echo chamber effect on social media. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 118(9), Article e2023301118. <https://doi.org/10.1073/pnas.2023301118>
- Gillespie, T. (2022). Do not recommend? Reduction as a form of content moderation. *Social Media + Society*, 8(3), Article 20563051221117552. <https://doi.org/10.1177/20563051221117552>
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2022). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)* (3rd ed.). Sage.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115–135. <https://doi.org/10.1007/s11747-014-0403-8>
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2025). *Internet users survey 2024*. <https://mcmc.gov.my/en/resources/statistics/internet-users-survey/internet-users-survey-2024>
- Matamoros-Fernández, A., & Farkas, J. (2021). Racism, hate speech, and social media: A systematic review and critique. *Television & New Media*, 22(2), 205–224. <https://doi.org/10.1177/1527476420982230>
- Meerangani, K. A., Hamid, M. F. A., Wahab, N. A. A., Satar, A., & Martin, D. (2024). The influence of 3R (race, religion, royalty) on the harmony of society in the digital era. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(5), 2076–2083. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.805150>
- Mihelj, S., & Jiménez-Martínez, C. (2021). Digital nationalism: Understanding the role of digital media in the rise of ‘new’ nationalism. *Nations and Nationalism*, 27(2), 331–346. <https://doi.org/10.1111/nana.12685>

- Ministry of Youth and Sports Malaysia. (2021). *Malaysian youth policy 2021–2030*. <https://www.kbs.gov.my/component/phocadownload/category/56-malaysian-youth-policy.html?Itemid=278>
- Mylonas, H., & Tudor, M. (2021). Nationalism: What we know and what we still need to know. *Annual Review of Political Science*, 24, 109–132. <https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-041719-101841>
- Pérez-Torres, V. (2024). Social media: A digital social mirror for identity development during adolescence. *Current Psychology*, 43, 22170–22180. <https://doi.org/10.1007/s12144-024-05980-z>
- Pierce, C. M. (1970). Offensive mechanisms. In F. B. Barbour (Ed.), *The Black seventies* (pp. 265–282). Porter Sargent.
- Ramayah, T., Cheah, J., Chuah, F., Ting, H., & Memon, M. A. (2018). *Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) using SmartPLS 3.0: An updated and practical guide to statistical analysis* (2nd ed.). Pearson.
- Reuters. (2024, April 9). Malaysia reports increase in requests to restrict social media content. <https://www.reuters.com/technology/malaysia-reports-increase-requests-restrict-social-media-content-2024-04-09/>
- Reuters. (2025, January 2). Malaysia grants WeChat, TikTok licences to operate under new law. <https://www.reuters.com/technology/malaysia-grants-wechat-tiktok-licences-operate-under-new-law-2025-01-02/>
- Sarstedt, M., Hair, J. F., Pick, M., Liengaard, B. D., Radomir, L., & Ringle, C. M. (2022). Progress in partial least squares structural equation modeling use in marketing research in the last decade. *Psychology & Marketing*, 39(5), 1035–1064. <https://doi.org/10.1002/mar.21640>
- Sue, D. W., Capodilupo, C. M., Torino, G. C., Bucceri, J. M., Holder, A. M. B., Nadal, K. L., & Esquilin, M. (2007). Racial microaggressions in everyday life: Implications for clinical practice. *American Psychologist*, 62(4), 271–286. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.62.4.271>
- Tajfel, H., & Turner, J. C. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. In W. G. Austin & S. Worchel (Eds.), *The social psychology of intergroup relations* (pp. 33–47). Brooks/Cole.
- Valkenburg, P. M., Meier, A., & Beyens, I. (2022). Social media use and its impact on adolescent mental health: An umbrella review of the evidence. *Current Opinion in Psychology*, 44, 58–68. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2021.08.017>
- Verkuyten, M. (2021). Group identity and ingroup bias: The social identity approach. *Human Development*, 65(5–6), 311–324. <https://doi.org/10.1159/000519089>
- Verkuyten, M., Gale, J., Adelman, L., & Yogeewaran, K. (2023). Maintaining a tolerant national identity: Divergent implications for the acceptance of minority groups. *Journal of Applied Social Psychology*, 53(10), 1027–1039. <https://doi.org/10.1111/jasp.12993>
- Wang, X., & Cheng, Z. (2020). Cross-sectional studies: Strengths, weaknesses, and recommendations. *Chest*, 158(1S), S65–S71. <https://doi.org/10.1016/j.chest.2020.03.012>
- We Are Social, & Meltwater. (2024). *Digital 2024: Malaysia*. DataReportal. <https://datareportal.com/reports/digital-2024-malaysia>
- Williams, M. T. (2021). Microaggressions are a form of aggression. *Behavior Therapy*, 52(3), 709–719. <https://doi.org/10.1016/j.beth.2020.09.001>
- Wood, B. E. (2022). Belonging to the nation: Negotiating narratives of national identity in Aotearoa New Zealand. *Political Geography*, 99, Article 102790. <https://doi.org/10.1016/j.polgeo.2022.102790>